

193 kes demam denggi dikesan

Sinar 01/02/2010 MS4

SHAH ALAM – Sebanyak 193 kes demam denggi di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dilaporkan bermula awal Januari hingga minggu ketiga 2010, dengan 86 kes positif denggi dan 77 melibatkan kes demam denggi (DD) manakala 9 adalah kes demam denggi berdarah (DDB).

Antara kawasan dikenal pasti mencatatkan kes tertinggi ialah Seksyen U2 (TTDI Jaya), Seksyen U7, Seksyen U12 (Desa Alam) dan Seksyen 7.

Pegawai Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, sepanjang tempoh tersebut MBSA membuat pemantauan dan mengadakan pemeriksaan di 2,220 premis.

"Kita dapati 108 premis positif menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes dan MBSA telah mengeluarkan 69 kompaun di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKT 1976)," katanya.

Menurutnya, sepanjang tempoh tersebut, MBSA membuat semburan kabus (fogging) di 39,745 premis bagi mengawal pembiakan nyamuk berkenaan.

"MBSA mengambil langkah proaktif menangani masalah peningkatan demam denggi ini selaras arahan kerajaan memastikan pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil langkah pencegahan awal memastikan tempat pembiakan nyamuk Aedes ini dihapuskan sekali gus dapat mengawal jangkitan de-



● SHAHRIN AHMAD

man denggi," katanya.

Shahrin berkata, pemerhatian yang dilakukan mendapati punca utama berlakunya pembiakan nyamuk Aedes kerana kealpaan dan sikap cuai masyarakat yang tidak menjaga persekitaran kediaman dengan baik.

Selain itu, katanya, MBSA memohon kerjasama warga Shah Alam untuk membuka pintu dan tingkap semasa aktiviti kawalan dijalankan seperti pemeriksaan dari rumah ke rumah dan juga aktiviti semburan kabus (fogging).

"Pada masa sama MBSA mengingatkan semua supaya dapat mengambil masa 10 minit setiap minggu untuk membersihkan persekitaran rumah di dalam mahupun di luar dengan memastikan tiada tempat atau bekas yang boleh menampung air seperti pam tandas, pasu bunga dan juga tangki simpanan air yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

"Sebarang pertanyaan boleh hubungi talian 03-55222793 (waktu pejabat)," katanya.